

Newspaper	Berita Harian
Date	22 June 2015

Kerajaan usaha minta tambah kuota haji: Najib

BH-22/6/2015

» Hubungan baik Malaysia, Arab Saudi diguna mohon pertambahan

Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak berkata, kerajaan akan terus berusaha untuk meminta Arab Saudi menambah kuota haji bagi membolehkan lebih ramai jemaah dapat menunaikan ibadat itu tahun ini.

Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Arab Saudi mempunyai hubungan yang baik sejak dari dahulu dan kesempatan itu akan digunakan untuk memohon pertambahan kuota haji.

Beliau berkata, jika mengikut prosedur yang ditetapkan

Lembaga Tabung Haji (TH), sesiapa yang berdaftar untuk menunaikan haji perlu menunggu giliran sehingga mengambil masa 71 tahun.

"Kalau nak pergi haji, hari ini daftar 71 tahun lagi baru boleh sampai ke Tanah Suci untuk menunaikan fardu haji... sebab kuota terhad, sebab itulah kita perlu ada hubungan yang baik dengan negara seperti Arab Saudi.

Usaha sedaya upaya

"Sebab ada ketika kita perlu pada dia (Arab Saudi), ketika krisis di Yaman dan ketika mahu membawa balik pelajar kita Arab Saudi bantu kita, begitu juga ketika krisis di Mesir.

"Bab kuota ini saya tak mahu sebut, tetapi kita sedang berusaha sedaya upaya (memohon tambahan) kalau ada rezeki adalah insya-Allah," katanya ketika berucap pada Majlis Ramadan Al-Mubarak Peringkat Nasional, Pengagihan Kurma, Air Zamzam dan Kain Baju Melayu ke Masjid-Masjid seluruh negara, di Masjid Negara di sini, semalam.

Yang hadir sama isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Pengerusi Biro Kebajikan UMNO, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Mansor.

Guna khidmat Metro Line

Selain itu, beliau berkata, jemaah haji Malaysia musim ini dijangka menggunakan Metro Line, perkhidmatan kereta api elektrik yang menghubungkan Arafah, Muzdalifah dan Mina, ketika menjalani ibadat itu di Tanah Suci nanti.

Katanya, syarikat Prasarana

“*Bab kuota ini saya tak mahu sebut, tetapi kita sedang berusaha sedaya upaya (memohon tambahan) kalau ada rezeki adalah insya-Allah*”

Najib Razak,
Perdana Menteri

Malaysia Bhd (PRASARANA) akan mengendalikan operasi itu pada tahun ini.

Pada kebiasaannya sebelum ini, jemaah haji menggunakan bas untuk ke destinasi itu. Perkhidmatan Metro Line sepanjang 18 Kilometer (km) itu akan memudahkan dan memendekkan masa perjalanan jemaah haji.

"Kalau kita naik haji musim ni, kita akan naik Metro Line, operatornya adalah PRASARANA yang mendapat kontrak bernilai RM900 juta... orang Islam dari Malaysia sendiri yang mengendalikan Metro Line ini," katanya.

Sementara itu, Najib berkata pengajuran program sebegini bukan sahaja disifatkan sebagai rezeki Ramadan, malah ia adalah hasil tadbir urus yang baik oleh kerajaan yang akhirnya dapat dikongsi bersama rakyat.

Sehubungan itu katanya, menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia untuk memelihara nama baik negara di mata dunia bagi memastikan apa yang kita nikmati hari ini dapat dipertahankan.